



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ خَالِ الْاَوَالِ اَكَامُ الْاِسْلَامِ نِجَرِي سَابَا

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

13 JAMADILAWAL 1446H / 15 NOVEMBER 2024M

“BENDUNG GEJALA ZINA, CEGAH KEHAMILAN REMAJA”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

وَلَا تَقْرَبُوا الزَّيْنَىٰ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا ﴿٣٢﴾ (الإسراء: 32)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى،
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ
مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

SIDANG JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT

Marilah kita terus istiqamah meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT dalam erti kata melaksanakan segala perkara yang disuruh dan meninggalkan segala yang dilarang-Nya. Jika kita benar-benar ikhlas serta bersungguh-sungguh bertakwa kepada Allah, nescaya Dia mengadakan bagi kita petunjuk yang membezakan antara yang benar dengan yang salah.

Mengingat bahawa gejala sosial seperti zina dan kehamilan luar nikah di kalangan remaja kian membimbangkan, maka mimbar Jumaat pada hari yang mulia ini terpanggil untuk menyampaikan khutbah yang bertajuk **“BENDUNG GEJALA ZINA, CEGAH KEHAMILAN REMAJA.”**

HADIRIN MUSLIMIN YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT

Islam berupaya membentuk umatnya menjadi insan yang berakhlak dan berwibawa melalui amalan-amalan ibadah, pemahaman akidah yang betul serta cara berhubungan sesama manusia dan makhluk lain. Jika kita sebagai umat Islam mengamalkan perkara ini dalam kehidupan seharian, nescaya keruntuhan akhlak dan gejala mungkar lainnya dapat dihindari. Namun realitinya pada hari ini, masyarakat kita berada di ambang kehakisan kewibawaan dan kehebatan, akibat daripada pengabaian terhadap cara kehidupan Islam sepertimana yang digariskan oleh al-Quran dan as-Sunnah.

Bukti kehakisan kewibawaan dan kehebatan masyarakat hari ini, antara lain merujuk kepada gejala sosial seperti zina dan kehamilan remaja yang angkanya dikatakan meningkat sejak mutakhir ini. Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, baru-baru ini mendedahkan bahawa seramai 17,646 orang remaja di negara ini telah mengalami kehamilan tanpa perkahwinan sejak lima tahun kebelakang. Angka ini bukan sahaja mencerminkan masalah sosial yang serius, tetapi turut membawa kesan yang besar terhadap kesejahteraan individu, keluarga mahupun negara.

Meski masyarakat kita semakin maju dan terbuka, namun kenyataan ini membuka mata masyarakat tentang kepentingan usaha secara kolektif dalam membendung gejala zina dan mencegah kehamilan luar nikah di kalangan remaja. Isu yang membimbangkan ini bukan sahaja mengundang pelbagai masalah sosial, malah turut menjejaskan masa depan remaja yang terbabit serta kesejahteraan masyarakat keseluruhannya. Peringatan Allah SWT melalui firman-Nya dalam surah al-Isra' ayat 32:-

وَلَا تَقْرَبُوا الزَّيْنَىٰ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا ﴿٣٢﴾

Maksudnya: *"Dan janganlah kamu mendekati zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang buruk (yang membawa kerosakan)."*

Ini jelas mengisyaratkan bahawa menjaga kesucian diri dan menghindari perbuatan zina adalah tuntutan penting yang terkandung dalam ajaran Islam.

PARA JEMAAH YANG DIKASIHI ALLAH SWT

Dalam mendepani isu serta permasalahan kehamilan luar nikah di kalangan remaja ini, langkah-langkah proaktif perlu diambil oleh semua pihak baik ibu bapa, guru, pihak berkuasa, dan golongan remaja itu sendiri. Berikut adalah beberapa langkah pencegahan yang boleh diambil untuk membendung gejala zina dan mencegah kehamilan luar nikah di kalangan remaja berdasarkan prinsip agama, pendidikan, dan sokongan masyarakat.

Pertama : Pendidikan seksual yang berkesan.

Pendidikan seksual di sekolah adalah salah satu cara utama untuk memberikan remaja maklumat yang tepat tentang kesihatan reproduktif, emosi, dan implikasi sosial dari perbuatan zina. Melalui kurikulum yang menyeluruh dan sesuai dengan nilai-nilai budaya serta agama, remaja akan lebih faham tentang risiko hubungan seksual sebelum berkahwin. Selain itu, pendidikan seksual juga harus menyentuh aspek pengendalian emosi dan mengajar teknik menolak tekanan rakan sebaya.

Kedua : Pengukuhan nilai agama dan moral.

Peranan agama sangat penting dalam membentuk akhlak remaja. Ibu bapa dan guru perlu bersama-sama menerapkan nilai-nilai agama dan

moral kepada anak-anak khususnya mengenai balasan pahala dan dosa di hari akhirat kelak. Dengan panduan agama yang kuat, remaja akan lebih memahami bahawa perbuatan zina adalah sesuatu yang dilarang. Program-program agama di sekolah, masjid, dan komuniti juga boleh membantu memberi pemahaman yang lebih mendalam tentang pentingnya menjaga kehormatan diri.

Ketiga : Sokongan emosi dan komunikasi serta pengawasan dan penyeliaan aktiviti remaja.

Hubungan yang kukuh antara ibu bapa dan anak-anak adalah asas kepada perkembangan sahsiah yang baik. Ibu bapa perlu membuka ruang komunikasi yang terbuka, penuh kasih sayang, dan bebas tekanan. Melalui komunikasi yang baik, remaja akan lebih selesa berkongsi masalah atau dilema yang dihadapi, termasuk tekanan dari rakan sebaya. Kajian menunjukkan bahawa remaja yang rapat dengan ibu bapa cenderung membuat keputusan yang lebih bijak dan mengelakkan aktiviti berisiko. Aktiviti-aktiviti di luar rumah seperti perkhemahan, aktiviti sosial atau pertemuan bersama rakan-rakan perlu dipantau secara berhemah. Walaupun memberi kebebasan adalah penting, namun ibu bapa tetap perlu memastikan bahawa anak-anak berada dalam keadaan yang selamat.

SAUDARA JEMAAH YANG DIHORMATI SEKALIAN

Keempat : Peranan komuniti dalam menyediakan sokongan dan kempen kesedaran.

Komuniti turut memainkan peranan penting dalam mendidik dan menyokong remaja untuk memilih jalan yang betul. Program kesedaran dan pencegahan boleh dianjurkan di peringkat komuniti termasuklah badan Kerajaan dan NGO melalui ceramah, bengkel, dan program

kaunseling. Dengan adanya sokongan serta kempen kesedaran di media massa dan platform digital dapat menyampaikan mesej tentang risiko kehamilan luar nikah dan kesan sosial akibat perbuatan zina. Ini juga turut merangkumi usaha mengekang penayangan dan penyebaran video-video atau gambar-gambar lucah serta menyekat laman sesawang yang mengandungi bahan-bahan pornografi dan sebagainya.

Kelima : Mempermudahkan urusan perkahwinan.

Salah satu faktor yang dipercayai menyumbang kepada perlakuan zina di kalangan remaja adalah urusan perkahwinan yang rumit. Ia bukan sahaja dari aspek prosedur, malah turut dipersulitkan lagi dengan kadar hantaran dan perbelanjaan-perbelanjaan lain yang membebankan. Padahal, pernikahan atau perkahwinan itu merupakan antara saranan atau solusi dalam agama Islam. Allah SWT berfirman dalam surah an-Nur ayat 32:-

Yang bermaksud: *“Dan kahwinkanlah orang bujang (lelaki dan perempuan) dari kalangan kamu, dan orang yang soleh dari hamba-hamba kamu yang lelaki dan perempuan. Jika mereka miskin, Allah akan memberi kekayaan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya, kerana Allah Maha Luas (rahmat-Nya dan limpah kurnia-Nya), lagi Maha Mengetahui.”*

SAUDARA MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT!

Menyimpul perihal isu kehamilan remaja ini, Islam telah mengajar kita bahawa menjaga maruah diri adalah satu bentuk ketaatan kepada Allah SWT yang membawa ketenangan dan keberkatan dalam hidup. Setiap individu perlu memahami dan mengamalkan nilai-nilai Islam. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari, Rasullulah SAW pernah bersabda yang **bermaksud:** *“Sesungguhnya Allah telah menetapkan bagi anak Adam bagiannya dari zina, yang pasti mengenainya. Zina mata adalah dengan melihat, zina lidah adalah dengan berkata, zina hati*

adalah dengan menginginkan dan mengharapakan. Lalu kemaluanlah yang akan membenarkan atau mendustakan semua itu.”

Hadis ini menjelaskan bahawa zina tidak hanya terbatas pada perbuatan, tetapi juga melibatkan mata, lisan, dan hati, yang semuanya mesti dikawal. Justeru, marilah kita berdoa kepada Allah SWT agar kita dikurniakan isteri dan anak-anak yang soleh. Semoga anak yang dikurniakan menjadi anak yang dapat menolong ibu bapa baik di dunia sampailah ke akhirat kelak. Firman Allah SWT dalam surah al-Furqaan ayat 74:-

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ
إِمَامًا ﴿٧٤﴾

Maksudnya: *“Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah orang) yang berdoa dengan berkata: Wahai Tuhan kami, berilah kami beroleh dari isteri-isteri dan zuriat keturunan kami perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang yang (mahu) bertaqwa.”*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى
آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ
عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَكَذَلِكَ عَلَى
فَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوَتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ أَمْنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا
بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi
barakah khususnya Palestin, kasihanilah mereka dan limpahkan gugusan
Rahmat-mu ke atas mereka.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji. Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127/](tel:088-522127) jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.